

28 AUG 1996
Halim-Badawi
HALIM LAYAK JADI KSN, KATA ABDULLAH BADAWI

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Datuk Abdul Halim Ali layak memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara kerana beliau mempunyai pengalaman luas dalam hubungan luar negeri dan diplomasi.

Pengalaman Halim itu dengan Kementerian Luar dapat membantu beliau menjalankan tugas dan tanggungjawabnya yang baru, katanya ketika dihubungi di Wisma Putra hari ini.

"Ini adalah satu penghormatan yang cukup istimewa bagi beliau," kata Abdullah ketika diminta mengulas mengenai pengumuman perantikan Halim itu oleh Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Halim yang kini memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Luar akan menggantikan Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid sebagai Ketua Setiausaha Negara berkuatkuasa 17 Sept ini.

Abdullah menyifatkan Halim yang dikenalnya selama lima tahun sebagai seorang yang berwibawa, rajin dan begitu dedikasi serta telah menunjukkan keupayaan untuk menghasilkan kerja yang banyak.

Abdullah berkata walaupun begitu lama di Wisma Putra, Halim telah berjaya membuktikan kemampuannya untuk memimpin Wisma Putra yang sekarang ini mempunyai peranan dan tanggungjawab yang lebih luas dan besar.

"Jadi tentulah Perdana Menteri anggap Halim sudah cukup layak untuk pegang jawatan yang begitu penting dalam pentadbiran kerajaan," kata beliau.

Abdullah berkata kalau dahulu perantikan ke jawatan Ketua Setiausaha Negara adalah dari kalangan pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Perbendaharaan tetapi, sejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, pegawai-pegawai yang berkhidmat di agensi lain juga dilantik.

Sebagai contoh, Abdullah berkata, bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Sallehuddin Mohamed memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi manakala Ahmad Sarji ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Industri ketika itu. --BERNAMA

ES AFY MAI